

10/07/1999

NTT MSC lancar makmal RM50j

Ebi Azly Abdullah; Jamhariah Jaafar

NTT MSC SDN BHD (NTT-MSD), anak syarikat NTT Communications Corp dari Jepun melancarkan kemudahan makmal berharga RM50 juta di Cyberjaya, yang turut menjadi kemudahan pertama beroperasi di Koridor Raya Multimedia (MSD).

Presiden NTT, Junichiro Miyazu, berkata Pusat NTT MSD itu akan menggunakan sepenuhnya kepakaran global badan induknya dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan komunikasi, untuk menyokong projek MSD.

Beliau berkata, proses itu akan memastikan Malaysia menerima pemindahan teknologi yang agak besar teknologi milik syarikat telekomunikasi gergasi dunia itu.

"Ia termasuk pemindahan teknologi terkini seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penyelesaian rangkaian (networking solutions) terbaru," katanya pada majlis perasmian Pusat NTT-MSD di Cyberjaya, petang semalam.

Perasmian pusat dengan kawasan terbina 3,900 meter persegi itu, dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSD.

Pusat NTT-MSD itu yang dibina pada kawasan seluas enam hektar, adalah kemudahan NTT kedua terbesar di luar Jepun selepas Amerika Syarikat, dan menawarkan peralatan termoden termasuk makmal R&D canggih.

Miyazu berkata, NTT-MSD akan mengambil kesempatan sepenuhnya daripada persekitaran pelbagai-budaya MSD untuk memberi penekanan terhadap aplikasi seperti web pelbagai-bahasa dan penterjemahan tiruan (artificial translation), yang sudah tentunya memberikan faedah kepada Malaysia.

Selain itu, NTT juga akan bekerjasama sepenuhnya dengan universiti dan institusi teknikal di negara ini untuk mendahului kegiatan berasaskan multimedia di rantau ini.

Beliau melahirkan keyakinan bahawa Pusat NTT-MSD akan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap MSD dan menggalakkan syarikat utama dunia dalam bidang IT, menjadikan Malaysia sebagai pangkalan masing-masing.

"Pembukaan kompleks ini menandakan permulaan komitmen jangka panjang kami terhadap projek MSD. Kami yakin MSD akan menjadikan Malaysia pangkalan serantau utama ke arah menyediakan hubungan telekomunikasi dunia pada alaf baru," katanya.

(END)